

31/01/2001

Keputusan pindah sekolah muktamad

KUALA LUMPUR, Selasa - Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad berkata, keputusan bahawa semua murid Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Damansara berpindah ke SJK (C) Puay Chai II, adalah muktamad.

Katanya, beliau tidak akan melayani mana-mana pihak, termasuk ibu bapa 67 murid yang enggan memindahkan anak-anak mereka.

"Bagi diri saya, keputusan ini adalah muktamad dan saya tidak akan berjumpa dengan mana-mana ibu bapa yang enggan memindahkan anak mereka untuk membincangkan isu ini," katanya sebagai mengulas demonstrasi semalam di kementerian itu oleh 100 ibu bapa dan penduduk Kampung Baru Damansara yang membantah penutupan SJK (C) Damansara.

Beliau ditanya pemberita mengenai perkara itu selepas merasmikan persidangan antarabangsa Pembangunan Organisasi dan Kepimpinan dalam Pendidikan, di sini hari ini.

Jumaat lalu, kementerian itu memutuskan semua murid SJK (C) Damansara berpindah ke Puay Chai II dan berkongsi premis sekolah itu buat sementara sehingga sekolah tetap mereka di Taman Tropicana siap.

Musa berkata, kementerian akan mengambil tindakan terhadap mereka yang terus mengendalikan kelas bagi 67 murid berkenaan di sebuah kuil berhampiran premis SJK (C) Damansara.

Bagaimanapun, katanya, beliau hanya akan berjumpa ibu bapa 67 murid itu jika mereka menghadapi masalah untuk mendaftarkan anak-anak mereka di Puay Chai II atau sekolah lain.

"Saya hanya berminat membantu ibu bapa yang bermasalah untuk mendaftarkan anak mereka," katanya.

Mengenai ibu bapa yang membantah itu akan memilih untuk meneruskan demonstrasi, Musa berkata mereka boleh berbuat demikian tetapi beliau tidak akan mengubah pendiriannya.

Beliau berkata, demonstrasi semalam itu jelas satu perhimpunan haram.

"Polis boleh mengambil tindakan terhadap mereka mengikut undang-undang," katanya.

Mengenai perkembangan terbaru berikutan pembatalan penutupan Pusat Asasi Sains Universiti Malaya, Musa berkata kementerian telah menerima cadangan daripada universiti itu mengenai bagaimana pusat itu dapat dimanfaatkan, termasuk membenarkan kemudahan dan tenaga pengajarnya dikekalkan apabila pusat itu dibuka semula bagi sesi akademik akan datang pada Mac.

Keputusan menutup pusat itu pada April menimbulkan kemarahan orang ramai dan dengan itu universiti berkenaan telah membatalkan keputusan itu atas nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, Musa berkata kementerinya sedang menyiasat dakwaan yang mengatakan ibu bapa kepada 67 pelajar SJK (Cina) Damansara menerima ugutan sehingga menyebabkan mereka takut untuk memindahkan anak-anak mereka.

Bercakap kepada pemberita sebelum menyampaikan taklimat Sekolah Wawasan kepada Ketua Wanita Bahagian di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, beliau berkata pihaknya ada mendengar dakwaan itu tetapi tidak ada bukti kukuh.

(END)